

(10)04/C/P/656/2 Jil.2 /2007

1 November 2007

Pk (EF) MPOB 09/2007

**Semua Pemegang Lesen Kategori Estet**

Tuan,

**PENGUATKUASAAN PERINTAH LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
(SES) (BUAH KELAPA SAWIT) (PINDAAN) 2007 KE ATAS KATEGORI  
ESTET**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, sebagaimana kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 35 Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582), YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi setelah berunding dengan Menteri Kewangan membuat suatu perintah bernama **Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Buah Kelapa Sawit) (Pindaan) 2007 [P.U.(A) 343/2007]** yang meminda perenggan 3 Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Buah Kelapa Sawit) 2007 [P.U. (A) 200/2007].

3. Ses di bawah Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Buah Kelapa Sawit) (Pindaan) 2007 hanya dikenakan ke atas buah kelapa sawit yang dikeluarkan oleh estet-estet sahaja dan pengiraan kadar ses adalah berdasarkan formula yang telah ditetapkan di bawah subperenggan 3(2) Perintah Bersama-sama ini dilampirkan **Pekeliling Penguatkuasaan (Penguatkuasa)** yang memperincikan peruntukan MPOB 09/2007 [Pk (EF) MPOB 09/2007] yang memperincikan peruntukan Perintah tersebut.

4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dikehendaki mematuhi peruntukan undang-undang di bawah Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Buah Kelapa Sawit) (Pindaan) 2007 [P.U.(A) 343/2007] dan sila ambil maklum bahawa Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Buah Kelapa Sawit) 2007 [P.U. (A) 200/2007] masih berkuat kuasa kecuali Jadual kepada Perintah [P.U. (A) 200/2007] telah dipotong. Pihak Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menggalakkan tuan membuat bayaran SEGERA ses yang kena dibayar untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

**“MESRA, ADIL TEGAS DAN AMANAH”**

Yang benar,

DATO' DR MOHD BASRI WAHID  
Ketua Pengarah  
MPOB

- s.k. i. Setiausaha Eksekutif MPOA  
ii. Setiausaha Eksekutif EMPA  
iii. Yang Dipertua PKPKM



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PENGUATKUASA)  
MPOB**

Rujukan Pekeliling  
Tarikh Kuatkuasa  
Perkara

: Pk (EF) MPOB 09 /2007  
: 1 November 2007  
: PENGUATKUASAAN PERINTAH LEMBAGA MINYAK SAWIT  
MALAYSIA (SES) (BUAH KELAPA SAWIT) (PINDAAN) 2007  
KE ATAS KATEGORI ESTET

## 1.0 TUJUAN

Untuk memaklumkan penguatkuasaan Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Buah Kelapa Sawit) (Pindaan) 2007 [P.U.(A) 343/2007] ke atas pengeluar buah kelapa sawit iaitu kategori estet.

## 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Skim Penstabilan Harga Minyak masak telah dilaksanakan pada 1 Jun 2007 untuk membayai kerugian yang dialami oleh pengilang dan pembungkus minyak masak akibat kenaikan harga minyak sawit mentah. Sehubungan dengan itu, Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Buah Kelapa Sawit) 2007 [P.U. (A) 200/2007] telah diwartakan pada 31 Mei 2007 dan mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2007. Ses di bawah Perintah ini dikenakan ke atas pengeluar buah kelapa sawit iaitu estet sahaja dan tidak termasuk pekebun kecil atau peneroka.
- 2.2 Kadar ses buah kelapa sawit di bawah Perintah [P.U. (A) 200/2007] tersebut adalah berdasarkan kepada harga purata bulanan minyak sawit mentah Malaysia hebahan MPOB yang bermula dengan RM1,500.00 sehingga RM3,000.00 seperti Jadual, perenggan 3, Perintah yang sama. Walaubagaimana pun, setelah kajian dibuat dan pandangan industri kelapa sawit diambil kira dalam pengenaan ses ini, suatu pendekatan telah diambil dan kerajaan telah memutuskan bahawa penggunaan formula baru bagi penetapan kadar ses adalah lebih praktikal jika dibandingkan dengan Jadual, perenggan 3, Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Buah Kelapa Sawit) 2007 [P.U. (A) 200/2007].
- 2.3 Susulan daripada itu, sebagaimana kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 35 Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582), YB Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi setelah berunding dengan Menteri Kewangan membuat suatu perintah bernama Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Buah Kelapa Sawit) (Pindaan) 2007 [P.U.(A) 343/2007] yang meminda perenggan 3 Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Buah Kelapa Sawit) 2007 [P.U. (A) 200/2007].

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PENGUATKUASA)  
MPOB**

### **3.0 RINDAAN PERINTAH SES**

#### **3.1 Kuat kuasa**

- Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Buah Kelapa Sawit) (Pindaan) 2007 [P.U.(A) 343/2007] telah diwarta dan mula berkuat kuasa pada 8 Oktober 2007. Bersama ini dilampirkan salinan Perintah tersebut, rujuk Lampiran 1.

#### **3.2 Pihak terlibat**

- Ses di bawah Perintah ini dikenakan ke atas pengeluar buah kelapa sawit iaitu estet dan tidak termasuk-
  - (a) mana-mana tanah kerajaan yang mengusahakan tanaman kelapa sawit yang mana peneroka atau peserta ditempatkan di tanah tersebut; atau
  - (b) mana-mana kebun kecil kelapa sawit yang dimiliki oleh individu yang mana pengurusan kebun tersebut adalah di bawah kawalan dan pentadbiran agensi-agensi kerajaan.

#### **3.3 Kadar ses**

- Kadar ses buah kelapa sawit adalah berdasarkan kepada formula berikut iaitu:  
"Harga purata bulanan minyak sawit mentah Malaysia yang diumumkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia – RM1,500.00 x 0.02 x jumlah pengeluaran sebenar buah kelapa sawit." Contoh pengiraan ses seperti di Lampiran 2.

#### **3.4 Pembayaran**

- Pembayaran ses hendaklah dibuat kepada Lembaga sebelum hari terakhir setiap bulan atas buah kelapa sawit yang dikeluarkan oleh estet dalam bulan sebelumnya. Ini bermakna, bayaran ses untuk pegeluaran buah kelapa sawit bulan Oktober 2007 hendaklah dibayar kepada Lembaga pada atau sebelum 30 November 2007.

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PENGUATKUASA)  
MPOB**

**3.5 Kaedah pembayaran**

i. Secara pos

- Pembayaran ses boleh dibuat dengan cara cek berpalang / draf bank / wang pos atas nama Ketua Pengarah MPOB dengan menyatakan nombor lesen MPOB, nama estet, bulan pengeluaran, jumlah pengeluaran buah kelapa sawit (tan metrik) dan jumlah bayaran dan dialamatkan kepada:

Ketua Pengarah  
Lembaga Minyak Sawit Malaysia  
Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran  
47301 Kelana Jaya  
Selangor.  
(u.p. Cik Hafsa binti Abdul Rani)

- Bayaran ses juga boleh dibuat di mana-mana Pejabat MPOB yang berdekatan.

ii. *Bank-in*

- Bayaran juga boleh dibuat di mana-mana kaunter cawangan Bank Islam Malaysia Berhad atau kemasukan ke mesin terimaan cek (*cheque deposit machine*) Bank Islam Malaysia Berhad untuk dikreditkan ke akaun Lembaga nombor 12029010050300 dengan menyatakan nombor lesen MPOB serta nama estet di **Slip Pembayaran Bil**.

iii. Pindahan wang secara elektronik (*Electronic Fund Transfer, EFT*) dan lain-lain kaedah pembayaran

Bayaran secara *EFT*, *Interbank GIRO (IBG)* dan *bank standing instruction* perlu dimaklumkan kepada Lembaga secara fax di nombor 03-78032323 dan disusuli dengan penghantaran secara pos.

**4.0 PEMAKAIAN**

Pekeliling Penguatkuasaan (Penguatkuasa) MPOB 09 / 2007 [Pk (EF) MPOB 09 / 2007] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori estet kecuali estet di para 3.2 (a) dan 3.2 (b).

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 . 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PENGUATKUASA)  
MPOB**

**5.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai 1 November 2007.

**6.0 PENGESAHAN & KELULUSAN**

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Mohd Basri Wahid".

**DATO' DR MOHD BASRI WAHID**  
Ketua Pengarah  
MPOB

Tarikh: 1 November 2007

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>